

02 JUN 1998

Khalil-Pelabur

PROMOSI PANTAI TIMUR BERI KEYAKINAN KEPADA PELABUR

KUANTAN, 2 Jun (Bernama) -- Rombongan pelaburan di peringkat kerajaan negeri dan persekutuan yang mempromosikan Pantai Timur sebagai pusat industri berasaskan kimia dan petrokimia berjaya memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata, keyakinan itu wujud terutamanya di kalangan rombongan teknikal dari Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah.

Semasa ditemui pemberita selepas mesyuarat Lembaga Pengarah Yayasan Pahang di sini, beliau berkata sejak beberapa tahun ini, promosi yang dijalankan oleh Pahang di kalangan pelabur luar negara turut menekankan aspek pelaburan dalam industri berkenaan.

"Ianya selari dengan perancangan kerajaan yang mahu mewujudkan Koridor Pantai Timur dan beberapa kawasan perindustrian penting di negeri-negeri terbabit," katanya.

Ini termasuk Kawasan Perindustrian Gebeng, Gambang, Mentakab dan Peramu di Pahang serta Kawasan Perindustrian Kertih dan Kemaman di Terengganu.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, syarikat-syarikat multinasional Amerika terutamanya dalam sektor kimia dan petrokimia akan membuat pelaburan besar-besaran di Malaysia.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat itu termasuk kumpulan petrokimia Eastman dan syarikat aneka penceburan Proctor & Gamble yang berminat melabur secara besar-besaran di Pantai Timur Semenanjung.

Khalil berkata terdapat beberapa faktor bagi menarik minat pelabur asing untuk menempatkan industri mereka di negeri ini, termasuk peningkatan infrastruktur, pelabuhan yang baik dan hubungan mesra antara jabatan serta agensi terbabit dengan pelabur itu sendiri.

Mengenai Yayasan Pahang, beliau berkata yayasan berkenaan akan membelanjakan antara RM21 juta hingga RM23 juta tahun ini dalam bentuk bantuan atau biasiswa bagi membantu pelajar-pelajar miskin.

Pelajar-pelajar berkenaan tidak perlu bimbang tentang bantuan kewangan bagi melanjutkan pelajaran meskipun dalam suasana ekonomi sekarang ini. --  
BERNAMA

ROS PR